

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

# Hanya taktik pertahankan agenda politik

um- 9/7/2017  
pg. 19

**KUALA LUMPUR 8 Julai** - Tindak-tanduk Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilihat cuba mempertahankan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya hanyalah sekadar taktik bekas Perdana Menteri itu dalam mempertahankan agenda politik beliau.

Berikutan itu, Naib Ketua Pemuda UMNO, Senator Khairul Azwan Harun mengingatkan rakyat supaya segera sedar dengan percaturan politik yang sedang dimainkan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu.

Ahli Dewan Negara itu juga percaya, Dr. Mahathir berkomplot secara rapat dengan Anwar kerana bekas Ketua Pembangkang itu kini mempunyai keupayaan untuk melibatkan beliau dengan siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ke atas kerugian

RM30 bilion Bank Negara dalam urus niaga mata wang asing.

“Beliau menyokong Anwar untuk menjadi Perdana Menteri bukanlah kerana pilihan raya umum akan datang.

“Sebaliknya, Dr. Mahathir bimbang agenda politik beliau akan terjejas sekiranya Anwar melibatkan dirinya dalam siasatan RCI,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Khairul Azwan menasihatkan Dr. Mahathir supaya ber-

henti daripada meneruskan permainan politik yang dipersembahkan kepada rakyat ketika ini.

Katanya, rakyat khususnya belia di negara ini tidak boleh lagi membuang masa melayan keinginan Dr. Mahathir yang mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri serta melindungi dinasti keluarganya.



**KHAIRUL AZWAN HARUN**